

## Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air Dan Penanaman Padi MADA Musim 1/2019 (24 Februari 2019)

Mesyuarat Jawatankuasa Bekalan Air Dan Penanaman Padi MADA Musim 1/2019 bertempat di Dewan Syed Nahar, Ibu Pejabat MADA. Dalam menjamin keamanan industri penanaman padi di Kawasan Muda, pengurusan dan penyeliaan perkhidmatan pengairan serta pembangunan sistem pengumpulan data (pengairan dan pertanian) amat dititikberatkan oleh Bahagian Perkhidmatan Pengairan & Saliran MADA bagi membolehkan pengurusan air yang lebih tepat, cekap dan berkesan.



Pengurus Besar MADA, Yang Berbahagia Dato' Fouzi Ali berkata, bekalan air di setiap Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning masih berada pada tahap selesa.



Jadual Penanaman Padi MADA Musim 1/2019 telah dilewatkan sedikit permulaannya berbanding musim-musim terdahulu selepas mengambil kira bulan piama iaitu amalan penentuan musim dan turunan hujan yang diamalkan oleh petani pada masa dahulu. Selain itu, MADA turut mengambil kira ramalan turunan hujan yang dikeluarkan oleh Jabatan Metereologi Malaysia bagi pertengahan tahun pertama 2019. Petani disaran mengambil peluang ketika cuaca panas dan kering serta tempoh rehat Panjang dengan melakukan kerja-kerja persediaan tanah.

